



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

KARNIVAL JELAJAH MADANI JOM MASUK TVET ZON TIMUR TAHUN 2024

Kementerian Sumber Manusia (KSM) menerusi Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dengan kerjasama Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Terengganu, Terengganu, Jabatan Tenaga Manusia (JTM) dan PERKESO Negeri Terengganu telah mengadakan **Karnival Jelajah Madani Jom Masuk TVET Zon Timur Tahun 2024**. Karnival ini telah dirasmikan oleh **Yang Berhormat, Dato' Sri Abdul Rahman Bin Haji Mohamad, Timbalan Menteri Sumber Manusia** yang diadakan di ILP Kuala Terengganu, Terengganu. Karnival ini telah menjelajah ke seluruh Negara dan ini merupakan lokasi terakhir daripada enam (6) lokasi yang telah ditetapkan pada tahun ini dalam usaha JPK, KESUMA memupuk kesedaran TVET kepada komuniti dan masyarakat Malaysia.

Karnival ini merupakan platform terbaik dalam memberikan pendedahan awal berkenaan program Pendidikan TVET yang ditawarkan oleh Penyedia Latihan Awam dan Swasta khususnya di Negeri Terengganu serta pameran kerjaya dan temuduga kerja secara walk-in oleh pihak syarikat. Karnival ini telah menghimpunkan 3000 pengunjung yang terdiri daripada pelajar sekolah, guru, ibu bapa, belia, komuniti dan pihak industri dengan kerjasama Penyedia Latihan Awam dan Swasta yang merentasi pelbagai kementerian dan agensi.

Karnival terakhir di Zon Timur ini agak berbeza penganjurannya berbanding lima (5) Zon sebelum ini kerana, ianya telah bermula lebih awal iaitu pada 22 Julai 2024 yang lalu menerusi Program Kembara TVET Madani 2024. Program Kembara TVET Madani 2024 ini bertujuan untuk mendekati golongan muda khususnya yang berada di luar bandar bagi menyampaikan maklumat berkaitan TVET.

Program Kembara TVET Madani 2024 ini telah berjaya mengumpulkan seramai lebih 150 orang penunggang motorsikal yang telah berhenti singgah di enam (6) Pit Stop yang ditetapkan. Enam (6) Pit Stop tersebut adalah GiatMARA Raub, Kolej Vokasional Lipis, ADTEC Jerantut, IKBN Temerloh, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan, IKBN Kemasik dan berakhir di ILP Kuala Terengganu pada hari ini. Di setiap pit stop, para pengembara telah beramah mesra dengan komuniti setempat termasuk para pelajar, anggota masyarakat dan komuniti setempat.

Karnival pada kali ini dibahagikan kepada lima (5) hub iaitu Skills Exhibition Hub, Skills Seminar Hub, Skills Challenge Hub, Skills Job Fair Hub dan Skills Entrepreneur Hub. Di samping itu, karnival ini turut memperkenalkan portal UP_TVET sebagai satu sistem permohonan tunggal pengambilan pelajar TVET ke institusi TVET. Sehingga kini, tujuh (7) Kementerian telah pun menyertai portal UP_TVET dengan 968 kursus TVET telah berjaya didaftarkan dan lebih 12,500 kekosongan ditawarkan kepada lepasan SPM untuk mengikuti kursus-kursus TVET.

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) sentiasa komited dalam memperkasakan dan mengarusperdanakan bidang TVET di Negara ini. Ia adalah selaras dengan inisiatif yang telah digariskan di dalam Dasar TVET Negara 2030 dalam menjadikan TVET Pilihan Utama Kerjaya.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
KUALA TERENGGANU, TERENGGANU
24 JULAI 2024